

15 AUG 1997

Balak-Kabel

JABATAN PERHUTANAN GALAKKAN PENEBAANGAN BALAK YANG KURANGKAN KEROSAKAN

Oleh: Kanul Gindol

SANDAKAN, 15 Ogos (Bernama) -- Hutan Simpan Deramakot di pedalaman hutan Sabah, yang akan menjadi tuan rumah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok, bersedia untuk "merevolusikan" penebangan balak tropika yang selalunya menyebabkan kemusnahan kepada tanah, sungai dan pokok-pokok lain.

Ini dilakukan dengan menggunakan sistem kabel udara yang merangkumi kerja-kerja mengangkut balak dari kawasan bawah, yang menjamin bahawa alam sekitar dan sumber-sumber perhutanan akan hanya mengalami gangguan kecil.

Menurut ketua pegawai perhutanan Sandakan, Sam Mannan, jabatan itu berjaya memperkenalkan sistem itu sejak 1992 dan ia diharap dapat menggantikan sistem penebangan balak yang tidak mesra alam di negeri yang kaya dengan balak ini.

"Selepas diangkat dari bawah, yang hanya sedikit mengganggu tanah dan tanaman lain, balak-balak itu akan diangkut menerusi udara menggunakan kabel dan tali," katanya.

Prinsip yang digunakan di sini sama dengan bakul belon besar dan kereta kabel yang digunakan untuk membawa penumpang turun dari pusat-pusat peranginan gunung dan padang luncur ais.

Beliau berkata sistem penebangan balak cara Jerman itu digunakan di kawasan permukaan curam yang lerengnya ialah antara 15 darjah dan 25 darjah tetapi ia boleh dipakai oleh semua sistem tanah seperti yang digunakan di Hutan Simpan Deramakot.

"Sistem ini menggunakan mesin Austria dan ia pada mulanya diperkenalkan di sini sebagai satu demonstrasi teknik menebang impak rendah, tetapi sejak itu ia meningkat menjadi satu operasi," kata Sam kepada Bernama.

Beliau berkata sistem dua pengangkut itu, yang berkuasa enjin diesel dengan kren/pengangkut yang berkapasiti 3.5 tan atau tiga hingga lima meter padu dari aspek pembalakan, memberikan gabungan asasnya.

Menurutnya Hutan Simpan Deramakot, yang pertama kali diwartakan sebagai hutan simpan pada 1954, juga menggunakan cara Pembalakan Kurang Impak (RIL).

RIL mewajibkan persediaan pelan penebangan balak iaitu dengan menyediakan maklumat lengkap sumber-sumber seperti balak, pokok-pokok reja, air dan bukit yang kemudian dipetakan dan diwujudkan pelan sebelum penebangan balak dilakukan.

"Sistem penebangan balak di udara memberikan produktiviti terbaik kerana ia digabungkan dengan penggunaan traktor, yang akan mengangkut balak sehingga ke lorong kabel. Ini disusuli pula oleh sistem udara yang akan mengangkut balak-balak itu menerusi udara," katanya.

Teknik itu menunjukkan bahawa gangguan terhadap tanah hanya minimum dengan 97 peratus tanah tidak diusik.

Beliau berkata dengan cara RIL, kemusnahan pokok teja sangat minimum kerana hanya sedikit sahaja rangkaian jalan perlu dibangunkan untuk dijadikan jalan pengangkutan utama balak.

Apa yang lebih penting, kata Sam, ialah pekerja-pekerja tempatan boleh dilatih dengan mudah dalam mewujudkan, melaksanakan dan mengekalkan sistem itu dalam tempoh yang pendek iaitu antara dua hingga tiga bulan sahaja.

Beliau berkata sistem itu yang digunakan di Deramakot, dan kini diamalkan oleh Yayasan Sabah di kawasan konsesinya, terus dipertingkatkan bagi mengangkut muatan yang lebih berat.

Untuk mencapai matlamat ini, kapasiti mengangkut muatan seberat lima

tan sedang dibangunkan, katanya.

"Kos pelaburan awal sistem ini adalah dalam kapasiti pembalakan-pembalakan tempatan dan sistem udara ini menunjukkan bahawa hutan tropika boleh ditebang dengan hanya memberi impak minimum kepada alam sekitar," katanya.

Menurut Sam, kesan penebangan balak cara RIL menunjukkan bahawa:

- * 50 peratus kurang kerosakan kepada pokok teja berbanding pembalakan cara konvensional;

- * gangguan tanah, kerosakan saluran air dan hakisan sangat berkurangan; dan

- * rakyat Malaysia boleh dilatih menggunakan teknik-teknik RIL kerana mereka sudahpun mempunyai kemahiran asas.

Sam berkata konsep dan idea di Deramakot akan menimbulkan kekeliruan dalam hutan simpan Kelas Dua atau hutan simpan komersial yang diangarkan kira-kira 2.8 juta hektar.

" Kerajaan negeri menetapkan bahawa semua hutan di Sabah akan diuruskan bersama-sama dengan jalan-jalan yang berdekatan Deramakot, menjelang tahun 2004.

Jika ini dilaksanakan, generasi masa kini dapat memastikan bahawa sumber-sumber balakan dapat diperolehi pada 100 tahun akan datang," katanya.

Hutan Simpan Deramakot, yang terletak di sepanjang lengkungan Hamid-Kinabatangan basin, juga berperanan sebagai kawasan tadahan air dengan anak sungai dan sungainya menyusuri Sungai Kinabatangan.

Ini adalah sebahagian daripada spesis mamalia seperti kuda kampung, gajah kancil serta burung dan pelbagai spesies lain. -- BERNAMA